

KOLEKSI QURAN DI PUSAT MANUSKRIP NARATHIWAT: ISU-ISU PEROLEHAN DAN PEMULIHARAAN

Dr. Syed Najihuddin Syed Hassan,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
syednajihuddin@usim.edu.my

Dr. Abdulloh Salaeh,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
abdulloh@usim.edu.my

Nidzamuddin Zakaria,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
nidzamuddin@usim.edu.my

Dr. Ma Yu Long,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
drmayulong@usim.edu.my

Dr. Amran Abdul Halim,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
amranabdulhalim@usim.edu.my

Norhasnira Ibrahim
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
norhasnira@usim.edu.my

ABSTRAK

Pusat manuskrip di Narathiwat, Thailand telah menjadi tumpuan pencinta manuskrip bukan hanya dari Nusantara Alam Melayu, malah turut mendapat perhatian dari seluruh dunia. Pusat ini telah mengumpulkan ribuan koleksi pelbagai bidang keilmuan yang dihasilkan oleh orang Melayu terdahulu. Antara koleksi utamanya ialah naskhah Quran yang telah dan masih dikumpulkan oleh pengasasnya iaitu Ustaz Muhammad Lutfi Samae dari setiap pelosok Nusantara. Di samping itu, tempat tersebut juga turut mempunyai koleksi artifak seperti keris, alatan besi, dan sebagainya, yang telah dihasilkan oleh cendekiawan melayu dalam memudahkan tugas seharian mereka. Kertas kerja ini membincangkan biodata pengasas dan sejarah ringkas penubuhan pusat manuskrip ini. Selain itu, turut dijelaskan proses perolehan barang bersejarah manuskrip serta artifak serta isu-isu berkaitan pemerolehannya. Di samping itu, disenaraikan kategori manuskrip

yang ada dalam simpanan tempat ini. Kemudian, dijelaskan langkah yang diambil oleh pusat manuskrip ini dalam memelihara koleksi simpanan itu agar dapat dimanfaatkan oleh generasi mendatang. Justeru, dapatan daripada kertas kerja ini diharapkan agar menjadi pemangkin kepada kajian-kajian seterusnya dalam memartabatkan keilmuan Islam di Nusantara Alam Melayu.

Kata kunci: Kajian manuskrip, pusat manuskrip Narathiwat, koleksi manuskrip Quran

PENDAHULUAN

Penulisan menjadi salah satu medium penyampaian ilmu kepada masyarakat. Kewujudan bahan penulisan turut melambangkan tahap keilmuan sesuatu masyarakat. Justeru, golongan ilmuan dalam masyarakat mempunyai kedudukan yang istimewa kerana peranan mereka yang meningkatkan nilai keintelektualan masyarakat tersebut. Jika mereka diabaikan atau disenyapkan, sesebuah masyarakat akan dipandang rendah oleh masyarakat selain mereka. Tamadun terawal seperti Greek, Yunani, dan Mesir mempunyai penulisan yang merekodkan ketamadunan mereka pada masa kegemilangan mereka. Kewujudan bahan penulisan ini amat perlu dipelihara agar generasi seterusnya dapat mengkaji dan mengadaptasi ilmu yang telah diasaskan oleh umat terdahulu.

Perutusan Rasulullah SAW telah menyemarakkan lagi perkembangan ilmu. Malah, sejak turunnya wahyu yang pertama ke atas Rasulullah SAW yang menyuruh Baginda membaca telah membuktikan kepentingan ilmu. Firman Allah SWT:

﴿أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ ۱ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ ۲ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ ۳ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ ۴ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝﴾

Maksudnya: “Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.” (al-‘Alaq 1-5).

Membaca dan menulis merupakan sumber ilmu sebagaimana difahami daripada maksud ayat. Ibnu Kathir menjelaskan bahawa Allah SWT memuliakan manusia dengan mengajarkannya apa yang tidak diketahui olehnya. Menurut beliau, ilmu itu sama ada di dalam pemikiran (bentuk hafazan), atau melalui percakapan, atau melalui penulisan. Ilmu itu pemikiran, percakapan dan penulisan rasmi (al-Dimashqi 1993).

Hasilnya, pada hari ini kita dapat melihat pelbagai jenis karya tulisan tangan yang telah ditinggalkan oleh generasi terdahulu untuk generasi masa kini. Oleh itu, seharusnya manuskrip ini dijaga serta dipelihara supaya dapat dimanfaatkan dan pada masa yang sama menjadi khazanah sejarah yang bernilai buat negara. Pelbagai usaha pemeliharaan manuskrip telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan juga agensi bukan kerajaan. Akta juga enakmen telah turut dikuatkuasakan bagi memelihara kelestarian bahan bersejarah termasuk manuskrip.

Artikel ini berkaitan sebuah pusat manuskrip yang memainkan peranan sebagai pusat pengumpul dan pemeliharaan manuskrip melayu dan arab yang berusia antara 200 hingga 700 tahun. Perbincangan berkisar dari aspek tinjauan dan kajian yang menyelidik latar belakang pusat

manuskrip serta koleksi manuskrip yang tersimpan di situ. Institusi yang dimaksudkan ialah Madrasah Ahmadiyah. Madrasah ini telah menubuhkan Pusat Pengumpulan Manuskrip Melayu dan Islam di Selatan Thailand. Perbincangan berkitar dari aspek tinjauan dan kajian yang menyelidik latar belakang pusat manuskrip serta isu-isu berkaitan perolehan dan pemuliharaan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kepada pasukan penyelidik. Data yang dikumpulkan akan dianalisis mengikut metodologi yang bersesuaian agar hasil dapatan kajian dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Antara objektif utama kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti sejarah penubuhan institusi dan biodata pengasasnya.
2. Menyeneraikan kategori manuskrip yang terdapat di institusi tersebut.
3. Mengkaji isu perolehan dan pemuliharaan yang dilaksanakan oleh pentadbirannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan analisis deskriptif terhadap data kajian. Dalam pengumpulan data kajian, kumpulan penyelidik telah menggunakan temubual tidak berstruktur dan analisis dokumen sebagai sumber utama. Temubual tersebut telah dilaksanakan pada 3 - 4 Julai 2016 dan 29 Ogos 2017 di Madrasah Ahmadiyah. Responden utama ialah mudir madrasah sendiri Haji Muhammad Lutfi Ahmad Samae. Kerjasama yang amat baik telah diberikan sepanjang sesi temubual berlangsung.

BIODATA PENGASAS

Nama dan keluarga



Nama beliau ialah Haji Muhammad Lutfi bin Haji Ahmad bin Osman Samae (gambar). Merupakan anak kedua daripada tiga beradik dan telah dilahirkan di kawasan pondok atau Madrasah Ahmadiyah pada tahun 1967. Isterinya Hamidah binti Rasak berasal dari Teluk Deraman, Pattani. Perkahwinan mereka dikurniakan lima orang anak iaitu Muhammad Amin, Makmun, Badruddin, Izzuddin dan Usamah (Salaeh, et al. 2019).

Pendidikan

Pendidikan awal beliau di Madrasah Ahmadiyah yang diuruskan oleh bapanya sendiri iaitu Syeikh Haji Ahmad bin Osman Samae sehingga ke peringkat *thanawi* (menengah). Pada masa yang sama, beliau turut mengikuti pengajian akademik di Madrasah al-Tarkiyah al-Islamiah di Narathiwat. Usai pengajian di madrasah tersebut dan juga pengajian akademik, beliau ke Jordan untuk melanjutkan pengajian di peringkat diploma dalam pengkhususan al-Wa'z wa al-Irsyad di Ma'ahad Ta'hil al-A'immah wa al-Khutaba', di bawah seliaan Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, Jordan. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang tafsir dan ulum al-Quran di Fakulti Dakwah dan Usuluddin, Universiti Jordan (Salaeh, et al. 2019).

Pada tahun 2010, Kerajaan Thailand telah membiayai pengajian pasca siswazah beliau dalam bidang sarjana pengurusan pendidikan. Pembiayaan ini diberikan khas kepada pentadbir sekolah atau madrasah seumpamanya dalam memperkasakan kualiti pentadbiran sekolah. Pengajian ini telah bermula pada tahun 2010 dan tamat pada tahun 2011 (Salaeh, et al. 2019) (Syed Hassan, et al. 2018).

Senarai Guru

Muhammad Lutfi (Syed Hassan, et al. 2018) telah berguru dengan beberapa orang guru dari kalangan ulama Melayu dan Arab, antaranya:

1. Ustaz Mahmud
2. Ustaz Muhammad Saufi
3. Ustaz Arifin
4. Ustaz Abdul Hamid Che' Long
5. Ustaz Saleh Putat
6. Syeikh Abdul Rahman Sa'ud
7. Syeikh Dr. Solah Al-Khalidi
8. Syeikh Dr. Hammad Said
9. Syeikh Dr. Fadhl Hasan Abas
10. Syeikh Dr. Syaraf Al-Qudhah
11. Syeikh Dr. Abd Salam Al-'Abbadi
12. Syeikh Nafi'
13. Syeikh Ishak Ahmad Farhan
14. Syeikh Rajih Al-Kurdi
15. Syeikh Abu Syusyah
16. Syeikh Bisyr Al-Kailani
17. Syeikh Ilyas Abd Ghani

Senarai Murid

Muhammad Lutfi (Syed Hassan, et al. 2018) berjaya melahirkan ramai dalam kalangan pelajar yang cemerlang dan berjasa kepada masyarakat selatan Thailand, antara murid-murid beliau ialah:

1. Dr. Tayyib bin Ahmad (doktor falsafah)
2. Sya'ari Tanjung Lima
3. Dr Naemah Saleh (doktor perubatan)
4. Dr Sanuri Ismail (doktor perubatan)
5. Ahmad b. Saleh (jurutera elektrik)

SEJARAH PENUBUHAN

Pada awalnya, Muhammad Lutfi hanya meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh bapanya dalam mengumpulkan manuskrip. Beliau berhasil mendapatkan ribuan manuskrip daripada koleksi peribadi pemilik manuskrip sama ada dihadiahkan atau dijual dengan harga yang berpatutan. Sebahagian manuskrip ada yang diperolehi itu, ada yang telah dihadiahkan kepada muzium tertentu dan ada yang disimpan dengan baik di sekolahnya. Hasilnya, beliau mempunyai sejumlah manuskrip yang dikumpulkan dalam koleksi beliau.

Pada awalnya, koleksi milik pusat ini hanya 13 buah manuskrip sahaja. 12 buah daripadanya berasal dari Alam Melayu manakala sebuah dari Yaman. Setelah itu sebanyak 76 buah manuskrip khususnya dalam bidang Quran dihimpunkan sehingga kini. Menurut Haji Lutfi, 76 buah manuskrip tersebut berasal daripada Nusantara iaitu Kedah, Aceh, Indonesia, Yaman, Parsi, Kufah, Mesir dan Andalus. Dalam masa 5 tahun, Haji Lutfi telah giat berusaha menghimpunkan tambahan manuskrip.

Beliau terus mengumpulkan manuskrip pelbagai bidang dan memuatkan koleksi beliau di madrasah itu. Pusat manuskrip ini turut menyimpan sejumlah manuskrip Melayu lama yang bertulisan jawi dan juga manuskrip al-Quran. Apa yang menakjubkan, sebahagian manuskrip tersebut menceritakan tentang teknologi purba yang telah dihasilkan serta diguna pakai oleh orang Melayu pada masa dahulu. Ini sebenarnya kreativiti dan inovasi bangsa Melayu terdahulu yang amat wajar dibanggakan oleh generasi terkini. Antaranya mesin menghasilkan gula, cara membuat keris, cara membuat perahu, ilmu pelayaran, ilmu perubatan dan sebagainya (Salaeh, et al. 2019)

Pengumpulan ini bukan hanya terhad kepada manuskrip bertulis sahaja, malah artifak bersejarah seperti keris, alat-alat pertukangan dan sebagainya turut diperolehi oleh beliau. Koleksi beliau yang bertambah banyak ini telah mendorong beliau untuk memikirkan satu bangunan yang lebih luas agar dapat menampung keseluruhan koleksi ini. Lawatan delegasi dari Turki pasca tsunami telah membuka jalan kepada pemuliharaan yang lebih sistematik dan dana yang lebih besar untuk menampung perbelanjaan pembinaan pusat manuskrip yang beliau inginkan.

Kerajaan Turki memperuntukkan dana yang amat besar demi memastikan pusat manuskrip ini dapat menyumbangkan sesuatu yang amat bermakna dalam pengkajian ilmu masyarakat Islam. Mereka menanggung keseluruhan perbelanjaan dalam penghantaran manuskrip ke Turki, kos membaik pulih manuskrip sepenuhnya dan kos menjemput wakil madrasah usai proses pembaikpulihan manuskrip bagi menerima manuskrip itu. Di samping itu, mereka turut membiayai pembinaan bangunan yang akan digunakan untuk pameran dan kajian manuskrip pada masa depan (Samae, Penubuhan Pusat Manuskrip 2017).

Perbelanjaan yang telah diberikan oleh kerajaan Turki ialah sebanyak 9,83 juta bhat bagi membuat tujuh lapis muzium untuk menempatkan manuskrip-manuskrip yang ada di Madrasah tersebut. Di samping itu, kerajaan Thailand juga turut membelanjakan sebanyak 2 juta bhat untuk proses pembinaan muzium. Pada tahun 2016, pihak sekolah telah membelanjakan sebanyak 142 juta bhat bagi membina sebahagian muzium tersebut (Samae, Penubuhan Pusat Manuskrip 2017).

Pembinaan Muzeum Manuskrip

ISU-ISU PEROLEHAN

Pengumpulan Manuskrip

Semasa proses pengumpulan manuskrip ini dilakukan terdapat dua orang yang penting dan bertanggungjawab dalam menguruskan aspek pengumpulan manuskrip. Mereka ini akan turun padang pergi ke tempat yang ada manuskrip atau artifak dan membawanya pulang ke pusat manuskrip. Pasukan ini diketuai oleh Muhammad Lutfi sendiri dan dibantu oleh Muhammad Kelaba. Jika ada maklumat berkaitan manuskrip, mereka akan turun padang pada hari Sabtu. Pemilihan hari Sabtu ialah kerana Sabtu itu hari cuti dan di luar waktu kerja rasmi. Mereka berdua telah berjaya mengumpulkan manuskrip dalam pelbagai bidang keilmuan dan tidak hanya tertumpu kepada manuskrip Quran sahaja.

Quran berusia 240 tahun

Manuskrip pembuatan keris

Pengumpulan Artifak

Menurut Haji Lutfi, selepas kerajaan Turki menjalin kerjasama dalam kerja-kerja memulihara Quran di sekolah berkenaan timbul hasrat di hatinya untuk menghimpunkan kitab-kitab lama yang lain termasuk manuskrip Melayu khususnya dari kawasan sekitar Thailand. Hasilnya beliau bukan sahaja menemui khazanah istimewa tersebut, malah beliau turut menemui pelbagai alatan purba yang pernah digunakan pada zaman dahulu yang masih berada dalam keadaan baik. Antara alatan yang dikumpulkan ialah keris, bajak, mimbar, mesin dan lain-lain (Salaeh, et al. 2019).

Jawatankuasa Pengumpulan

Jawatankuasa pengumpulan manuskrip dan artifak ini dianggotai oleh beberapa orang sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Jenis Bahan Bersejarah Yang Dikumpulkan

Nama	Jenis Manuskrip yang dikumpulkan
Haji Muhammad Lutfi	Quran
Ustaz Ismail	Keris lama/ alat senjata lama/permata
Ustaz Muhammad Kelaba	Bahagian besi/teknologi
Ustaz Ahmad Awang	Bahagian benda/kajian/sejarah
Cikgu Mat	

Sumber: (Samae, Biodata dan Sumbangan 2016)

Cabaran Dalam Pengumpulan

Semasa proses pengumpulan manuskrip dilakukan terdapat pelbagai masalah yang timbul antaranya sebahagian pemilik manuskrip tidak mengetahui bahawa bernilainya manuskrip pada masa kini. Selain itu, ada di antara pemilik manuskrip yang tidak mengizinkan manuskrip dibuka kerana wasiat daripada waris mereka yang merupakan pemilik awal manuskrip tersebut. Pada awalnya mereka takut untuk menyerahkan manuskrip tersebut kerana tidak mempunyai kesefahaman dan kluatir akan timbul masalah keamanan serta bimbang manuskrip tersebut akan diserahkan kepada Siam (Kerajaan Thailand). Selain itu, pencarian manuskrip menjadi terbantut kerana ketiadaan pemilik manuskrip di rumah yang mereka kunjungi. Sebagai ikhtiar yang dilakukan dalam pencarian manuskrip yang dikatakan telah hilang dalam simpanan pewarisnya, mereka telah menggunakan minyak khas yang dahulunya digunakan untuk menulis manuskrip. Dengan izin Allah, mereka berhasil menemui manuskrip itu di tempatnya (Samae, Penubuhan Pusat Manuskrip 2017).

ISU-ISU PEMULIHARAAN

Peranan Kerajaan Turki

Setelah berlakunya kejadian tsunami yang melanda juga selatan Thailand pada tahun 2004, sekolah ini telah dilawati oleh satu delegasi daripada kerajaan Turki. Mereka sebenarnya datang berkunjung ke Thailand untuk menyampaikan bantuan kepada mangsa tsunami. Setibanya mereka di madrasah ini, mereka terkejut dan berasa teruja kerana walaupun sekolah itu begitu daif

keadaannya, tersimpan begitu banyak Quran lama tulisan tangan. Quran tersebut yang dipercayai berasal dari Andalusia (Sepanyol), Arab, Indonesia, Tanah Melayu (Malaysia) dan Thailand sendiri, yang berusia antara 200 hingga 700 tahun.

Mereka juga telah mendapati sebahagian besar koleksi tersebut berada dalam keadaan yang sangat uzur dan hanya menanti masa untuk mengalami kereputan. Menyedari ketinggian nilai khazanah itu, delegasi Turki tersebut terus menawarkan diri untuk bekerjasama dengan pihak madrasah terbabit untuk memulihara kitab-kitab tersebut. (Syed Hassan, et al. 2018).

Rentetan itu satu kerjasama erat dengan kerajaan Turki telah dijalin agar dapat dipulihara manuskrip sedia ada. Beberapa manuskrip telah dihantar ke Turki untuk dibaik pulih dengan kepakaran yang ada di sana yang senantiasa memberikan sokongan dan galakan dengan membuat pemuliharaan terhadap manuskrip sedia ada. Sehingga ke hari ini, kitab-kitab suci tersebut akhirnya dapat diselamatkan dengan sebahagiannya dibaik pulih di sekolah pondok itu sendiri manakala sebahagian lagi yang rosak teruk telah dihantar ke Turki. Kesemua perbelanjaan tersebut telah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Turki, malah mereka turut mengupah tiga orang tempatan untuk melakukan kerja-kerja memulihara manuskrip di sekolah berkenaan (Salaeh, et al. 2019).

Peranan Kerajaan Thailand

Selain itu, pihak muzium Thailand juga turut menghantar pasukan pemuliharaan yang membantu pihak madrasah menyenggara koleksi manuskrip mereka. Mereka turut menganjurkan bengkel pemuliharaan untuk mengajar pihak pusat manuskrip kaedah memperbaiki manuskrip serta teknik yang bersesuaian dalam penjagaan manuskrip. (Samae, Penubuhan Pusat Manuskrip 2017).

Jawatankuasa Pemuliharaan

Selain itu beberapa individu lain juga telah dipertanggungjawabkan di bahagian pemuliharaan manuskrip dan pembantu yang membersihkan manuskrip. Nama dan tugas mereka sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Unit Pemuliharaan Manuskrip

Nama	Tugasan
Hakim bin Muhammad	Bahagian pemuliharaan
Fikri Drami	
Miryani Che Long	
Syukri Kemboja	Pembantu yang membersihkan manuskrip
Abdul Rahim Thai	
Hassan Ibrahim Thai	

Sumber: (Salaeh, et al. 2019)

KATEGORI MANUSKRIP

Hasil daripada usaha pengumpulan yang dilaksanakan oleh pusat manuskrip ini selama ini telah dapat dikumpulkan sejumlah manuskrip kitab tulisan melayu lama. Manuskrip ini telah dikategorikan kesemuanya dalam 15 bidang keilmuan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Bidang Keilmuan Dalam Koleksi Manuskrip Terkumpul

No	Bidang Ilmu
1	Ilmu Asal Kejadian Alam Dan Sejarah
2	Ilmu Manusia Dan Makhluk Penciptanya
3	Ilmu Astronomi Falak
4	Ilmu Faraid
5	Ilmu Matematik
6	Ilmu Perubatan
7	Ilmu Ramalan Dan Tadbir
8	Ilmu Sains Hayat Sains Fizik
9	Ilmu Tasawwuf/ Aqidah/ Fiqh
10	Ilmu Falsafah/ Adat Dan Bahasa
11	Ilmu Teknologi Kejuruteraan
12	Ilmu Tajwid
13	Ilmu Pelayaran Dan Kompas Perjalanan Laut
14	Ilmu Kesusasteraan
15	Ilmu Jampi Gabar Untuk Menahan Diri

Sumber: (Samae, Penubuhan Pusat Manuskrip 2017)

PUSAT MANUSKRIP

Organisasi Pusat Manuskrip

Dalam melancarkan pengurusan pusat manuskrip ini, Haji Lutfi telah menyusun tugas serta melantik jawatankuasa tertentu. Perkara ini dapat membantu beliau dalam menguruskan pusat ini secara teratur.

Jawatankuasa Pengurusan

Setelah pusat manuskrip ini dibina, jawatankuasa pengurusan telah ditubuhkan bagi membantu kelancaran dari segi aspek pengumpulan dan pemuliharaan koleksi manuskrip yang terdapat di pusat manuskrip tersebut. Ahli jawatankuasa yang terlibat ini terdiri daripada guru-guru dan tenaga pengajar di madrasah itu sendiri (Samae, Biodata dan Sumbangan 2016). Jawatankuasa ini adalah sebagaimana Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Jawatankuasa Pengurusan Pusat Manuskrip

Nama	Pekerjaan
Ustaz Mahmud Ahmad	Guru Agama
Ustaz Muhammad Suji Tahir	Ketua Agama Daerah
Ustaz Arifin Samuh	Guru Madrasah Ahmadiyah
Ustaz Akhuya Haji Sami	Guru Madrasah Ahmadiyah
Ustazah Awatif Munah	Ketua Badan Pelajar & Akademik
Hazami Salih	Guru Akademik
Aminah Sarimah	Pelatih
Hazmah Samud	Pelatih
Muhammad Lutfi Sami	Ketua Pentadbir

Sumber: (Samae, Biodata dan Sumbangan 2016)

Waktu Operasi Pusat Manuskrip

Waktu operasi pusat manuskrip ini adalah dari 9 pagi sehingga 5 petang dan dibuka pada setiap hari termasuk cuti umum.

KESIMPULAN

Pusat Manuskrip Narathiwat yang telah diasaskan oleh Ustaz Muhammad Lutfi Samae menjadi tumpuan pencinta manuskrip dan artifak melayu. Di situ terkumpulnya manuskrip pelbagai bidang dan artifak teknologi yang telah dihasilkan oleh bangsa melayu Islam. Justeru, seharusnya kajian demi kajian dilakukan di tempat ini agar dimanfaatkan oleh generasi kini dan masa depan.

RUJUKAN

- al-Dimashqi, Ismail bin Kathir. 1993. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Madinah Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Salaeh, Abdulloh, Syed Najihuddin Syed Hassan, Nidzamuddin Zakaria, Norhasnira Ibrahim, and Nur Izzatul Huda Mohd Zainuzi. 2019. "Pusat Manuskrip Di Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah, Narathiwat Thailand: Sejarah Penubuhan Dan Peranannya Di Nusantara." *3rd ICIEL*. Kuala Terengganu: Global Academic Excellence. 5-14.
- Samae, Muhammad Lutfi, interview by Syed Najihuddin Syed Hassan and Abdulloh Salaeh. 2016. *Biodata dan Sumbangan* (Julai 3).
- Samae, Muhammad Lutfi, interview by Syed Najihuddin Syed Hassan and Abdulloh Salaeh. 2017. *Penubuhan Pusat Manuskrip* (Ogos 29).
- Shumsudin Yabi. 2015. *Institusi Pendidikan Fatoni (Thailand) dan Usaha Untuk Menyelamatkan Manuskrip: Madrasah Ahmadiyah*. Selangor: Darul Syakir.
- Syed Hassan, Syed Najihuddin, Norhasnira Ibrahim, Abdulloh Salaeh, Nidzamuddin Zakaria, and Nurul Izzatul Huda Mohd Zainuzi. 2018. "Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah Di Narathiwat, Thailand Dan Koleksi Al-Quran: Satu Kajian Deskriptif." *Journal of Fatwa Management & Research* 580-592.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Abdulloh Salaeh, Norhasnira Ibrahim, Nidzamuddin Zakaria, Walid Mohd Said, Ma Yu Long, Mohd Fauzi Mohd Amin, Shumsudin Yabi, Najm Abdulrahman Khalaf. 2018. *Laporan Penyelidikan Bagi Kod Projek PPP/USG-0116/FPQS/30/13816*. Nilai: USIM.